

03 APRIL 2018

Narkotik RM42.9j dirampas dalam suku pertama tahun ini

## Narkotik RM42.9j dirampas dalam suku pertama tahun ini

**Kuala Lumpur:** Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Polis Diraja Malaysia (PDRM) berjaya menangkap 40,609 individu dan merampas pelbagai jenis dadah dianggarkan bernilai RM42.9 juta bagi tempoh suku pertama tahun ini sahaja.

Kejayaan dari 1 Januari hingga Mac lalu itu, termasuk beberapa siri serbuan yang berjaya menumpaskan sindiket dadah selain serbuan makmal dadah di seluruh negara.

Pengarah JSJN Bukit Aman, Datuk Seri Mohamad Salleh berkata, pihaknya melalui Pasukan Khas Taktikal Perisikan Narkotik (STING) dengan kerjasama elemen lain dalam PDRM agresif mengesan sindiket dadah menerusi siasatan dan risikan.

"Antara dadah yang dirampas adalah ganja, iaitu sebanyak

1,152.13kg, syabu (497.57kg), heroin (117.61kg), pil Erimin 5 (40.97kg), Ecstasy (29.30 kg), pil yaba (11.16 kg) dan ketamin sebanyak 9.35kg.

"Nilai anggaran keseluruhan rampasan dadah adalah RM42.9 juta. Dadah jenis ganja mencatatkan rampasan paling tinggi dengan nilai dianggarkan RM20 juta," katanya dalam kenyataan, semalam.

Beliau berkata, sehingga 29 Mac lalu pihak kami menahan 40,609 individu membabitkan 15,737 kerana memiliki, 6,518 orang kerana kesalahan mengedar, manakala seramai 313 orang didapati positif ujian air kencing.

"Daripada jumlah 40,609 individu yang ditahan, seramai 38,163 adalah warga tempatan dan 2,446 warga asing. Seramai 313 tangkapan dibuat mengikut Akta Dadah Berbahaya (ADB) Langkah-Langkah Pencegahan Khas (LLPK)," katanya.